

Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Mylink Etika Sebagai Medium Bahan Digital Bagi Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban

Ainul Farhaan binti Harun

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia

Email: ainulfarhaan@ptss.edu.my

Abstrak—Pendidikan tinggi di Malaysia kini sedang berkembang pesat dan mengalami perubahan seiring dengan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0). Rentetan itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran masa kini lebih cenderung kepada media digital dengan konsep ilmu di hujung jari. Pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh tenaga pengajar untuk membangunkan dan mengembangkan bahan pembelajaran digital untuk para pelajar. Kajian ini bertujuan untuk meneliti persepsi pelajar yang merangkumi penggunaan bahan digital, aksesibiliti, isi kandungan (content) platform Mylink Etika yang digunakan sebagai medium bahan digital bagi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP). Kajian ini turut mengenalpasti tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran sendiri menggunakan platform Mylink Etika. Kajian kuantitatif ini menggunakan borang soal selidik (google form) sebagai instrumen kajian. Seramai 121 orang pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti serta Jabatan Perdagangan dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) dan Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS) terlibat dalam kajian ini. Data kajian dianalisa secara deskriptif menggunakan perisian 'Statistical Package for Social Sciences (SPSS Statistics 26.0). Secara keseluruhannya, dapatan kajian yang melibatkan tiga aspek adalah baik iaitu pada konstruk persepsi pelajar terhadap penggunaan bahan digital (min=3.95), aksesibiliti platform Mylink Etika (min=3.94), informasi bahan dan grafik (min=3.85). Dapatan membuktikan persepsi pelajar terhadap penggunaan platform Mylink Etika sebagai medium bahan digital adalah baik. Namun, dapatan bagi tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran sendiri menggunakan platform yang disediakan berada pada tahap sederhana (min=3.31). Implikasi kajian yang dijalankan ini penting untuk mendorong para pensyarah kursus PEP agar sentiasa menyediakan persekitaran pembelajaran yang seiring dengan minat dan kecenderungan pelajar serta dunia teknologi pendidikan dan menyuntik semangat ke arah pembelajaran sendiri dalam diri para pelajar.

Kata Kunci: Persepsi; Bahan Digital; Mylink Etika

Abstract—Higher education in Malaysia is currently developing rapidly and experiencing changes in line with the Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0). In this series, today's teaching and learning methods tend to be digital media with the concept of knowledge at your fingertips. Various initiatives are carried out by teaching staff to develop and develop digital learning materials for students. This study aims to examine student perceptions including the use of digital materials, accessibility, content of the Mylink Etika platform which is used as a digital material medium for the Appreciation of Ethics and Civilization (PEP) course. This study also determines the level of student willingness to learn independently using the Mylink Etika platform. This quantitative study uses a research question form (google form) as a study instrument. A total of 121 students from the Department of Electrical Engineering, the Department of Tourism and Hospitality and the Department of Commerce from the Tuanku Syed Sirajuddin Polytechnic (PTSS) and the Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Polytechnic (POLIMAS) were involved in this study. The study data was analyzed descriptively using the software 'Statistical Package for Social Sciences (SPSS Statistics 26.0). Overall, the results of the study involving three aspects were good, namely the construct of students' perceptions of the use of digital materials (min=3.95), accessibility of the Mylink Etika platform (min=3.94), material information and graphics (min=3.85). The results prove that students' perceptions of the use of the Mylink Etika platform as a medium for digital materials are good. However, the results for the level of student willingness to learn independently using the platform provided are at a modest level (min=3.31). The implications of this study are important to encourage PEP course lecturers to always provide a learning environment that is in line with students' interests and tendencies as well as the world of educational technology and injects enthusiasm towards independent learning in students.

Keywords: Perception; Digital Materials; Mylink Ethics

1. PENDAHULUAN

Digitalisasi dalam dunia pendidikan bukanlah sesuatu yang baharu di negara kita. Jika disorot kembali, negara kita telah mula menggunakan buku teks digital secara rasminya pada 1 Februari 2014, melalui program 1BestariNet. Sebanyak 10,094 pelajar-pelajar peringkat rendah dan menengah di seluruh negara ketika itu memiliki akses kepada sejumlah 300 buku teks digital dan platform tersebut juga boleh diakses oleh para guru dan ibu bapa secara percuma.

Idea digitalisasi dunia pendidikan kian berkembang pesat dan diterima oleh setiap peringkat pendidikan (Nordin & Alias, 2023), rentetan dari ledakan teknologi maklumat dan capaian internet, ditambah lagi dengan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0). Selain itu, pandemik COVID-19 yang melanda sekitar tahun 2020 turut memberi impak kepada landskap pendidikan di seluruh dunia (Isa et al., 2022). Ledakan digitalisasi dunia pendidikan telah berlaku sepanjang fasa tersebut di mana pelbagai aplikasi dan platform digital digunakan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran yang sebelum ini cenderung bersifat tradisional dan bersemuka mula dilaksanakan secara lebih fleksibel dengan menggunakan medium berbagai teknologi (Nilavani & Khairul Azhar, 2021).

Di Malaysia, platform pendidikan digital yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan sebelum fasa pandemik mula digunakan secara meluas pada setiap peringkat pendidikan. Menurut Zulkifli bin Abas, Pengarah Bahagian

Sumber dan Teknologi Pendidikan, Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) yang mula diperkenalkan pada Julai 2019, mengandungi sumber digital termasuklah bahan pengajaran dan pembelajaran dalam talian, e-book, latihan interaktif dan menyeronokkan serta ruang kepada perkongsian bahan pengajaran dan pembelajaran. Platform bahan digital tersebut dilihat menjadi 'jambatan' antara guru dan para pelajar semasa sesi pembelajaran dalam talian dilaksanakan di seluruh Malaysia ketika. Selain itu, Learning Management System (LMS) seperti CIDOS, Ufuture, Spectrum yang mengandungi bahan digital seperti kuiz, forum, kandungan dan nota digital diaplikasikan dalam pembelajaran dalam talian bagi pelajar di institusi pengajian tinggi negara (Awang et al., 2023).

Walaupun fasa pandemik telah berlalu, namun kerajaan Malaysia khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia terus mengorak langkah dalam memperkasakan pendidikan digital di negara kita. Buktinya, Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek menyatakan bahawa kerajaan komited dalam melaksanakan Dasar Pendidikan Digital yang berpaksikan kepada empat objektif utama iaitu membangunkan murid peka dan celik digital seiring dengan kepesatan teknologi kini, serta menyediakan pentadbir dan tenaga pengajar yang mampu mengintegrasikan teknologi digital dalam ekosistem pendidikan (Malaysia, 2023). Beliau turut menekankan bahawa kejayaan merealisasikan pendidikan digital bergantung kepada kompetensi tenaga pelajar dalam menyediakan bahan pengajaran digital yang melibatkan penilaian dan aktiviti pembelajaran selari dengan kurikulum yang ditetapkan.

Mengambil kira keperluan dan kepentingan pendidikan digital serta peranannya dalam menyediakan pelajar dengan persekitaran pembelajaran abad ke-21, pengkaji terpengkil untuk melaksanakan kajian yang berfokus kepada penggunaan bahan digital dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti persepsi pelajar terhadap penggunaan bahan digital, aksesibiliti dan isi kandungan bahan dan grafik yang terkandung dalam platform Mylink Etika. Selain itu, kajian yang dijalankan ini turut mengenalpasti tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran sendiri menggunakan platform bahan digital yang disediakan.

2. METODE PENELITIAN

2.1 Kajian Literatur

Pendidikan digital yang pada awalnya sangat sinonim dengan bidang kejuruteraan dan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) kemudiannya turut memberi impak dan mencetus fenomena dalam bidang pendidikan sains sosial (Bujang et al., 2020). Rentetan fenomena tersebut, dunia pendidikan khususnya tenaga pengajar terus menyahut cabaran dalam menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran agar seiring dengan keperluan dan kehendak IR 4.0. Pelaksanaan pendidikan digital ini secara tidak langsung telah membuka ruang kepada ahli-ahli akademik untuk melakukan kajian berkaitan bidang tersebut.

Di peringkat pendidikan tinggi, kajian-kajian yang dijalankan adalah menjurus kepada penggunaan platform pendidikan digital seperti Learning Management System (LMS). Antaranya adalah kajian yang dilaksanakan oleh (Awang et al., 2023) yang berfokus kepada penggunaan platform digital Ufuture dalam kalangan pelajar-pelajar UiTM Dungun, Terengganu. Kajian tersebut mendapati bahawa persepsi pelajar terhadap penggunaan platform Ufuture semasa pelaksanaan pembelajaran dalam talian kursus CTU554 Etika dan Peradaban adalah sangat baik. Dapatan ini selari dengan kajian persepsi yang dijalankan oleh (Ying et al., 2022) terhadap penggunaan Curriculum Information Document Online System (CIDOS) LMS3.5 terhadap pelajar-pelajar politeknik di mana responden berpendapat bahawa paparan antaramuka (interface) yang mesra pengguna amat mudah difahami dengan fungsi bahan digital yang boleh dimuat turun sebagai bahan rujukan pembelajaran.

Penggunaan bahan digital dalam pembelajaran di Malaysia bukan hanya terbatas kepada mahasiswa di peringkat pengajian tinggi sahaja, malah pelajar di peringkat menengah juga turut didapati mempunyai keupayaan yang tinggi dalam menggunakan bahan digital sejarah. Mereka dilihat mempunyai kemahiran dan pemahaman yang baik dalam penggunaan bahan digital sejarah (Ahmad, 2021). Hal ini menjadi satu indikator yang baik terhadap perkembangan dunia pendidikan digital di negara kita.

Kajian oleh (Elman et al., 2023) pula menunjukkan guru pelatih bersetuju bahawa penggunaan bahan digital yang melibatkan audio, visual dan animasi yang sesuai memberi impak positif terhadap minat dan kecenderungan pelajar kepada topik yang dipelajari. Dapatan tersebut adalah selari dengan kajian (Che Ibrahim et al., 2021) yang menyatakan bahawa responden beliau yang terdiri dari pelajar bersetuju bahawa penggunaan media dan bahan digital membantu kefahaman dan minat terhadap pelajaran.

Selain dari kajian persepsi dari sudut tenaga pengajar dan pelajar, kajian oleh (Borman et al., 2021), pula meneroka berkaitan cabaran yang dihadapi dalam penggunaan bahan digital semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Antaranya adalah kekangan dari segi fasiliti seperti kemudahan internet yang stabil dan juga peranti yang bersesuaian bagi pelajar dari keluarga sederhana. Halangan ini dilihat akan memberi impak kepada minat dan dorongan pelajar untuk meneruskan pembelajaran berasaskan digital.

Melihat kepada pelbagai perspektif dan dapatan dari kajian-kajian yang lepas berkaitan pendidikan serta penggunaan bahan digital, penyelidik terpengkil untuk melaksanakan kajian tentang penggunaan satu platform bahan digital iaitu Mylink Etika yang disediakan untuk kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP). Penyelidik

mendapati tiada kajian khusus yang dijalankan berkenaan dengan penggunaan aplikasi mylink ini. Mylink Etika adalah satu platform yang menghimpunkan bahan digital kursus PEP dalam satu pautan. Platform ini dibangunkan menggunakan aplikasi Mylink. Ia yang berfungsi menghimpunkan pelbagai pautan (link) ke dalam satu pautan utama sahaja, bersesuaian dengan 'tagline' yang digunakan iaitu 'one link to rule all links'. Platform Mylink Etika ini boleh digunakan sebagai pusat sehati dalam menyusun pelbagai maklumat atau bahan secara lebih teratur. Pentadbir mylink iboleh berkongsi pautan utama yang dibina ke dalam platform sosial media seperti whatsapp dan telegram.

Secara khususnya, Mylink Etika mula digunakan sebagai platform bahan digital untuk kursus PEP pada tahun 2021 dan sehingga kini, ia merekodkan sejumlah 29,593 (page hits) dan 34,143 (link hits) ini, boleh dilayari pada pautan <https://mylink.la/etikadanperadabanptss>. Antara bahan digital yang terkandung dalam Mylink Etika adalah ringkasan kursus, nota dan slide berilustrasi, infografik, dan latihan interaktif. Platform mylink ini tidak memerlukan pelajar untuk membuka akaun atau log in semasa penggunaannya. Ia dilihat sebagai satu alternatif bahan digital yang mudah dan ringkas tanpa memerlukan data dan kemahiran teknologi yang tinggi. Walaubagaimanapun, hanya 15 menu utama sahaja disediakan pada antaramuka (interface) aplikasi ini dan memerlukan pensyarah bijak dalam menguruskan menu dan bahan berdasarkan had yang ditetapkan.

2.2 Sampel Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling)) yang memenuhi kriteria kajian iaitu merupakan pelajar yang mengikuti kursus PEP dan menggunakan Mylink Etika sebagai bahan pembelajaran digital. Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar- pelajar semester 1 dan 2 dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) dan Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS).

2.3 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan set borang soal selidik yang dibangunkan menggunakan aplikasi 'google form'. Set borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian utama yang melibatkan soalan berbentuk 4 skala likert yang melibatkan tahap iaitu Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Setuju(3), dan Sangat Setuju (4). Soalan soal selidik yang dibina dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian A; Demografi responden, bahagian B; persepsi pelajar terhadap penggunaan bahan digital, bahagian C; Persepsi pelajar terhadap aksesibiliti Mylink Etika, bahagian D; Persepsi pelajar terhadap isi kandungan (content) bahan digital Mylink Etika dan bahagian E; Tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran sendiri menggunakan platform bahan digital.

2.4 Kajian Rintis dan Analisis Data

Kajian rintis (pilot-test) merupakan elemen penting dalam mendorong kepada kajian yang baik dan bermutu (Van Teijlingen & Hundley, 2002). Oleh yang demikian, satu kajian rintis yang melibatkan 28 orang responden telah dilaksanakan bertujuan menguji kesahan dan ketekalan soalan soal selidik. Responden yang terlibat dengan kajian rintis yang dijalankan adalah dikecualikan daripada dapatan kajian sebenar. Soalan kaji selidik telah diuji melalui analisa Cronbach's Alpha dan menunjukkan bahawa soalan kaji selidik berada pada tahap konsistensi yang baik iaitu .93 dan boleh digunakan untuk tujuan kajian. Ini berdasarkan kepada (Bond & Fox, 2013), yang menyatakan bahawa skor nilai Cronbach's Alpha yang boleh diterima adalah 0.71-0.99.

Dapatan kajian telah dianalisis menggunakan menggunakan perisian 'Statistical Package for Social Sciences (SPSS Statistics 26.0). Tabel 1 digunakan untuk tujuan interpretasi data deskriptif seperti yang terdapat dalam Tabel 1:

Tabel 1. Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

3. HASIL DAN PEMBAHASAN

Soal selidik yang dijalankan ini melibatkan 121 responden yang terdiri dari pelajar- pelajar semester 1 dan 2 dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Perdagangan PTSS dan POLIMAS.

3.1 Demografi Responden

Tabel 2 menunjukkan demografi responden berdasarkan kepada jantina. Berdasarkan jadual tersebut, sebanyak 44.6% (54) responden merupakan pelajar lelaki manakala 55.4% (67) responden pula terdiri daripada pelajar perempuan. Sebanyak 73.6% (89) responden merupakan pelajar dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)

manakala 26.4% (32) pula terdiri dari Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS). Responden dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik adalah paling tinggi iaitu sebanyak 57.9% (70), diikuti dengan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti iaitu 31.4% (38) dan diikuti dengan Jabatan Perdagangan sebanyak 10.7% (13).

Tabel 2. Demografi Responden

Klasifikasi	Keterangan	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	54	44.6
	Perempuan	67	55.4
Institusi	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)	89	73.6
	Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS)	32	26.4
Jabatan	Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti	38	31.4
	Jabatan Kejuruteraan Elektrik	70	57.9
	Jabatan Perdagangan	13	10.7
Bidang Pengkhususan	Diploma Pengurusan Acara	38	31.4
	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Komputer)	34	28.1
	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Optoelektronik)	15	12.4
	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Komunikasi)	21	17.4
	Diploma Akauntansi	6	5.0
	Diploma Sains Kesytausaha	7	5.8

3.2 Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Bahan Digital

Tabel 3 menunjukkan nilai purata min yang diperolehi adalah 3.95, dan ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap penggunaan bahan digital adalah baik. Nilai min tertinggi adalah 3.98 yang melibatkan tiga item iaitu responden bersetuju bahawa bahan digital adalah fleksibel dan memudahkan simpanan maklumat. Selain itu, responden juga berpendapat bahawa penggunaan bahan digital adalah selari dengan konsep ‘paperless’ dan teknologi hijau serta dapat membantu pembelajaran berbanding dengan penggunaan bahan fizikal. Berdasarkan dapatan juga didapati nilai min antara setiap item adalah tidak menunjukkan perbezaan yang ketara sekaligus menggambarkan bahawa penerimaan pelajar terhadap penggunaan bahan digital adalah baik.

Tabel 3. Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Bahan Digital

BIL	PERKARA	MIN	S.P	TAHAP
1	Saya pernah menggunakan bahan digital sebagai medium pembelajaran	3.93	.250	Tinggi
2	Saya berpendapat bahawa bahan digital lebih mesra pengguna	3.96	.200	Tinggi
3	Saya berpendapat penggunaan bahan digital amat memudahkan aksesibiliti terhadap bahan pembelajaran	3.93	.263	Tinggi
4	Saya berpendapat bahawa proses ulangkaji menggunakan bahan digital adalah lebih fleksibel dari segi simpanan maklumat dan aksesibiliti	3.98	.156	Tinggi
5	Saya lebih memilih untuk menggunakan bahan digital berbanding bahan fizikal	3.93	.321	Tinggi
6	Saya berpendapat penggunaan bahan digital adalah selari dengan konsep ‘paperless’ dan teknologi hijau berbanding bahan fizikal.	3.98	.156	Tinggi
7	Saya berpendapat penggunaan bahan digital amat selari dengan dunia teknologi masa kini.	3.93	.250	Tinggi
8	Saya berpendapat bahan digital lebih membantu pembelajaran saya berbanding bahan fizikal.	3.98	.128	Tinggi
Min Keseluruhan		3.95		Tinggi

3.3 Persepsi Pelajar Terhadap Aksesibiliti Mylink Etika

Berdasarkan tabel 4, keseluruhan nilai min bagi konstruk aksesibiliti Mylink Etika adalah baik iaitu 3.94. Dapatan ini menunjukkan bahawa Mylink Etika mudah diakses oleh pengguna. Item 9 yang melibatkan penggunaan data ketika menggunakan Mylink Etika adalah paling tinggi dengan nilai min 3.99. Dapatan ini menunjukkan bahawa platform ini tidak memerlukan penggunaan data yang tinggi. Skor min bagi item 10 dan 15 adalah 3.98. Berdasarkan dapatan tersebut boleh disimpulkan responden bersetuju bahawa bahan digital di platform ini mudah untuk dimuat turun sekaligus menjimatkan masa mereka menyimpan nota untuk tujuan ulangkaji.

Tabel 4. Persepsi Pelajar Terhadap Aksesibiliti Mylink Etika

BIL	PERKARA	MIN	S.P	TAHAP
9	Penggunaan platform Mylink Etika tidak memerlukan data yang banyak	3.99	.091	Tinggi

BIL	PERKARA	MIN	S.P	TAHAP
10	Nota dan maklumat yang terdapat dalam Mylink Etika mudah untuk dimuat turun	3.98	.128	Tinggi
11	Pautan bahan digital Mylink Etika boleh dikongsi dengan mudah dalam pelbagai platform media sosial (whatsapp, telegram, facebook)	3.93	.263	Tinggi
12	Nota dan maklumat kursus yang terkandung dalam platform Mylink Etika mudah disimpan dalam peranti peribadi	3.84	.365	Tinggi
13	Menu pada paparan utama (interface) yang terdapat dalam platform Mylink Etika ini mudah difahami dan jelas	3.97	.180	Tinggi
14	Pengguna Mylink Etika tidak memerlukan kemahiran IT yang tinggi semasa menggunakan platform ini.	3.95	.218	Tinggi
15	Platform ini memudahkan dan menjimatkan masa saya untuk menyimpan nota untuk tujuan ulangkaji.	3.98	.182	Tinggi
Min Keseluruhan			3.94	Tinggi

3.4 Persepsi Pelajar Terhadap Isi Kandungan (Content) Bahan Digital Mylink Etika

Tabel 5 menunjukkan nilai keseluruhan min adalah 3.85. Dapatan menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap isi kandungan platform Mylink Etika adalah baik. Item nota dan ringkasan kursus yang disediakan amat mudah difahami mendapat skor nilai min paling tinggi iaitu 3.91. Dapatan ini dilihat selari dengan data kekerapan aksesibiliti menu yang terdapat dalam platform Mylink Etika, iaitu sebanyak 61 responden (50.4%) memilih menu slide dan nota ilustrasi sebagai menu yang paling kerap diakses dalam platform ini.

Tabel 5. Persepsi Pelajar Terhadap Isi Kandungan (Content) Bahan Digital Mylink Etika

BIL	PERKARA	MIN	S.P	TAHAP
16	Bahan yang terdapat dalam platform ini sangat membantu saya mengulangkaji kursus Penghayatan Etika dan Peradaban	3.87	.340	Tinggi
17	Nota dan e-book yang terdapat dalam platform ini mudah difahami	3.91	.289	Tinggi
18	Bahan yang disediakan menarik dengan elemen grafik, ilustrasi dan warna yang sesuai	3.82	.378	Tinggi
19	Saya gemar membaca nota dan slide yang mengandungi ayat ringkas dan padat dalam platform Mylink Etika	3.81	.394	Tinggi
20	Saya lebih mudah memahami konsep dan isi pembelajaran yang mengandungi grafik dan ilustrasi menarik seperti yang terkandung dalam platform ini.	3.90	.300	Tinggi
21	Penggunaan gabungan pelbagai warna yang ceria dapat membantu dalam menarik minat saya terhadap bahan digital platform ini.	3.81	.416	Tinggi
22	Elemen video dan muzik yang digunakan untuk penerangan garis panduan pelaksanaan tugas sangat membantu saya dalam memahami kehendak tugas.	3.88	.399	Tinggi
Min Keseluruhan			3.85	Tinggi

Tabel 6. Kekerapan Aksesibiliti Menu Yang Terdapat Dalam Platform Mylink Etika

Klasifikasi	Keterangan	Kekerapan	Peratus
Menu/Isi Kandungan Platform Mylink Etika	Ringkasan Kursus	17	14.0
	Slide dan nota ilustrasi	61	50.4
	E-book	32	26.4
	E-book latihan interaktif	4	3.3
	Infografik penilaian berterusan	2	1.7
	Garis panduan pembentangan (video)	5	4.1
Jumlah		121	100

3.5 Tahap Kesediaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Kendiri Menggunakan Platform Bahan Digital Mylink Etika

Berdasarkan tabel 7, nilai keseluruhan min berkaitan konstruk tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran sendiri menggunakan platform bahan digital adalah sederhana dengan nilai min 3.31. Skor min bagi setiap item pada konstruk ini juga tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Berdasarkan dapatan tersebut, dapat disimpulkan bahawa responden yang terlibat masih bergantung kepada arahan dari pensyarah untuk menggunakan bahan digital yang telah disediakan dalam platform Mylink Etika. Dapatan yang diperolehi ini selari dengan hasil kajian oleh Nur Zakiah et al. (2020), yang mendapati bahawa responden dalam kalangan pelajar semester 4 politeknik masih bergantung kepada bimbingan pensyarah dalam melakukan aktiviti berkaitan pembelajaran.

Tabel 7. Tahap Kesiediaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Kendiri Menggunakan Platform Bahan Digital

BIL	PERKARA	MIN	S.P	TAHAP
23	Saya memuat turun nota dan bahan kursus yang disediakan dalam platform Mylink Etika ini atas inisiatif sendiri (tanpa arahan dari pensyarah)	3.31	.563	Sederhana
24	Saya akan memuat turun nota yang terdapat dalam platform Mylink Etika setiap kali sebelum kelas bermula.	3.29	.584	Sederhana
25	Saya akan membuat latihan interaktif yang terdapat dalam platform ini sebagai rutin ulangkaji untuk meningkatkan kefahaman terhadap topik yang dipelajari	3.31	.533	Sederhana
26	Saya, atas inisiatif sendiri akan merujuk video pelaksanaan tugas yang disediakan jika terdapat kekeliruan dalam			
Min Keseluruhan			3.85	Tinggi

4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan yang diperolehi adalah menepati objektif kajian yang ditetapkan sekaligus dapat mengenalpasti persepsi pelajar terhadap penggunaan Mylink Etika sebagai medium bahan digital bagi kursus PEP. Melalui dapatan kajian juga, didapati bahawa persepsi pelajar terhadap penggunaan bahan digital adalah baik berdasarkan skor min 3.95 pada konstruk tersebut. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa nota dan slide merupakan pautan yang paling kerap diakses oleh pelajar. Maka, dapatan ini boleh menjadi titik tolak kepada kajian berikutnya tentang kesan penggunaan e-book dan nota ilustrasi dalam menarik minat pelajar terhadap pembelajaran. Dapatan kajian juga akan boleh menjadi anjakan paradigma kepada para pensyarah untuk menghasilkan bahan digital yang mempunyai ciri-ciri grafik dan ilustrasi yang menarik dengan penggunaan peta konsep dan unsur animasi sesuai dengan minat pelajar. Tidak hanya berfokus kepada pelajar semata-mata, kajian tentang peranan dan kesiediaan pensyarah dalam melaksanakan pendidikan digital juga boleh diterokai pada masa akan datang. Kajian sebegini dilihat dapat memberi input yang sangat berguna kepada kelestarian pendidikan digital di negara kita. Ini kerana, guru dan tenaga pengajar adalah entiti penting dalam memastikan hasrat pendidikan digital dapat dicapai di negara kita. Melihat kepada dapatan kajian tentang tahap kesiediaan pelajar ke arah pembelajaran kendiri menggunakan bahan digital yang berada pada tahap sederhana, adalah menarik untuk diterokai cabaran dan halangan terhadap pembelajaran kendiri boleh dijalankan supaya dapat menjadi solusi sekaligus membentuk peribadi pelajar yang bukan sahaja mahir digital malah memiliki konsep berdikari dalam memikul tanggungjawab sebagai penuntut ilmu. Selain itu, diharapkan dalam membuka ruang kepada kajian, diharapkan dapat mendorong serta menyuntik semangat para pensyarah untuk bergerak seiring peredaran pendidikan masa kini. Ini kerana, pendidikan digital yang bertunjangkan kepada maklumat di hujung jari bukan melibatkan teknologi semata-mata, malah ia mendorong kepada pendidikan tanpa sempadan mana pelajar boleh mengakses ilmu dan bahan pembelajaran secara lebih fleksibel.

REFERENCES

- Ahmad, A. (2021). Tahap Keupayaan Pelajar Terhadap Menggunakan Sumber Digital Sejarah Dalam Pembelajaran Kendiri. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 236–242.
- Awang, A., Ahmad, S., Ismail, C. Z., Taha, M. M., & Bakar, R. A. (2023). Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran (PDP) Terhadap Penilaian CTU 554 Menggunakan Platform Ufuture. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JI SED)*, 8(52), 70–83. <https://doi.org/10.55573/JI SED.085207>
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2013). *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences*. Psychology Press.
- Borman, G. D., Choi, Y., & Hall, G. J. (2021). The impacts of a brief middle-school self-affirmation intervention help propel African American and Latino students through high school. *Journal of Educational Psychology*, 113(3), 605.
- Bujang, S. D. A., Selamat, A., Krejcar, O., Maresova, P., & Nguyen, N. T. (2020). Digital learning demand for future education 4.0—Case studies at Malaysia education institutions. *Informatics*, 7(2), 13. <https://doi.org/10.3390/informatics7020013>
- Che Ibrahim, N. F. S., Mohd Rusli, N. F., Shaari, M. R., & Nallaluthan, K. (2021). Students' perceptions of interactive multimedia applications in the 21st century teaching and learning process. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(1), 15–24.
- Elman, J., Yusof, A., Sarudin, A., & Ismail, M. S. (2023). PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DIGITAL DALAM PEMBELAJARAN SECARA MAYA SEMASA PANDEMIK. *Journal of Issue In Education*, 46, 12–24.
- Isa, K., Kecek, N. N. B. A., Shahlal, S. A. B., Sari, M. E. P., & Johari, M. H. B. M. K. (2022). PANDEMIK COVID-19 DAN PERUBAHAN TERHADAP LANDSKAP PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI AKADEMIK. *Journal of Islamic*, 7(48). <https://doi.org/10.55573/JI SED.074808>
- Malaysia, K. P. (2023). *Dasar pendidikan digital*.
- Nilavani, K. A., & Khairul Azhar, J. (2021). Impak dan Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran atas Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 104–115.
- Nordin, A. S. M., & Alias, B. S. (2023). Digitalization of Education. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2). <https://doi.org/10.6007/IJAR PED/v12-i2/18094>

Van Teijlingen, E., & Hundley, V. (2002). The importance of pilot studies. *Nursing Standard (through 2013)*, 16(40), 33.

Ying, Y. H., Mohamad, M., & Nasir, M. K. M. (2022). Students' acceptance of using CIDOS 3.5 for learning Communicative English during Covid-19 pandemic. *Journal of Language Teaching and Research*, 13(5), 956–964.